

## **LAPORAN RINGKAS PENGANJURAN KURSUS MFSO SIRI 1-5/2011**

Unit Penguatkuasaan Kod ISPS, Bahagian Kawalan Industri, Ibu Pejabat Laut (IPL) telah menganjurkan 5 siri kursus Marine Facility Security Officer (MFSO) bagi tahun 2011 kerjasama dengan kerjasama Sambutan Hari Maritim Sedunia, Kelab Sukan Dan Kebajikan Jabatan Laut Wilayah Tengah serta Institut Latihan Pentadbiran Dan Pengurusan Laut (ILPPPPL)

Kursus diadakan selari dengan arahan Ketua Pengarah Laut selaku DA menerusi Notis Perkapalan Malaysia 10/2009 menerangkan berkenaan pindaan format sijil "Port Facility Security Officer" kepada " Marine Facility Security Officer".

Kursus MFSO ini telah mendapat akreditasi daripada Unit Penilaian Dan Standard Latihan, Bahagian Hal Ehwal Pelaut Dan Pelabuhan, Jabatan Laut Malaysia.

Jumlah penyertaan bagi kelima-lima siri adalah seramai 140 orang yang terdiri daripada pelbagai pihak berkuasa pelabuhan, kemudahan pelabuhan serta masyarakat perkapalan lain.

Butiran kursus adalah seperti berikut :

BIL	SIRI	TARIKH	LOKASI	JUMLAH PESERTA
1	Siri 1/2011	05-07 April	Hotel Promenade , Tawau,Sabah	26 orang
2	Siri 2/2011	10-12 Mei	Hotel Park Avenue, Sungai Petani, Kedah	28 orang
3	Siri 3/2011	7-9 Jun	Hotel Ridel, Kota Bahru, Kelantan	30 orang
4	Siri 4/2011	5-7 Julai	Hotel Grand Margherita, Kuching, Sarawak	27 orang
5	Siri 5/2011	13-15 September	Hotel The Zone , Johor Bahru, Johor	29 orang

### **Kaedah Penyampaian**

Kursus diadakan secara kelas teori (ceramah dan juga power point presentation) di mana semua peserta kursus diberi peluang untuk berinteraksi secara langsung dengan penceramah . Setiap peserta juga dinilai tahap kefahaman mereka dengan ujian pada akhir kursus dan juga diskusi berkumpulan. Kesemua Peserta yang menyertai kursus MFSO ini telah lulus dalam peperiksaan penilaian yang diadakan dan dianugerahkan Sijil Kursus Marine Facility Security Officer (MFSO).

### **Objektif Kursus**

Setiap peserta / MFSSO yang telah menghadiri kursus ini dijangka untuk mampu menggalas tugas sebagai Pegawai Sekuriti Kemudahan Pelabuhan yang antara lain :

- Menjalankan pemeriksaan sekuriti yang komprehensif dengan mengambil kira penilaian sekuriti kemudahan pelabuhan
- Memastikan Pelan Sekuriti Kemudahan Pelabuhan (MFSP) dibangunkan sesuai dengan keadaan / latarbelakang pelabuhan tersebut
- Menjalankan pemeriksaan sekuriti ke atas pelabuhan untuk menentukan kesinambungan pelaksanaan Kod ISPS di kemudahan pelabuhan
- Mencadangkan pengubahsuaian (jika perlu) ke atas pelan sekuriti kemudahan pelabuhan terbabit
- Meningkatkan kesedaran sekuriti kepada semua pegawai yang terlibat untuk menjaga keselamatan di pelabuhan
- Melaporkan (jika ada) kejadian ancaman sekuriti kepada pihak berwajib (Designated Authority (DA) dan juga menyimpan rekod-rekod kejadian sedemikian ke atas kemudahan pelabuhan
- Mengkoordinasikan pelaksanaan Kod ISPS dengan kemudahan pelabuhan yang lain yang berdekatan.
- Mengkoordinasikan tugas dengan pihak / agensi kerajaan yang terlibat menjaga sekuriti di Malaysia .

Sekian.